

18/03/2000

Pengurusan tidak boleh lepas tangan: PM

ALOR STAR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pengurusan bank tidak boleh mengambil sikap lepas tangan terhadap kegiatan kakitangannya yang mendedahkan rahsia pelanggan kepada umum.

Pengurusan bank juga, kata Perdana Menteri, bertanggungjawab terhadap kegiatan kakitangannya walaupun mereka tidak terbabit mendedahkan rahsia pelanggan.

"Bank mesti jaga prestasi dan imej. Kalau bank tidak peduli, walaupun pengurusan tidak (mendedahkan rahsia pelanggan), tetapi membenarkannya, ia bermakna pengurusan sedikit sebanyak bertanggungjawab juga," katanya.

Menjawab soalan pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini hari ini, Dr Mahathir berkata, sukar bagi kerajaan mempercayai bank terbabit jika kakitangannya mendedahkan rahsia pelanggan.

"Kita tidak boleh tentukan sama ada dia pakai lencana atau apa ... dia punya kesetiaan adalah pada bank. Tetapi jika mereka dengan ghairah tunjuk bahawa mereka tentang kerajaan dan secara terbuka, kerajaan tidak boleh percaya pada mereka.

"Takkan kita nak percaya kepada orang yang kata 'kami tidak ada kesetiaan kepada kerajaan dan tidak pegang janji kami sebagai pegawai (bank), kami tidak profesional dan tidak berkecuali'. Takkan kita nak serah rahsia kita kepada orang macam ini," katanya.

Beliau ditanya sama ada kerajaan boleh mengambil tindakan terhadap bank yang kakitangannya terbabit mendedahkan rahsia pelanggan.

Mengenai kemungkinan Bank Negara campur tangan, Dr Mahathir berkata, bank Pusat sudah menyediakan peraturannya dan adalah hak pelanggan untuk menyimpan wang mereka dengan berurusan dengan bank terbabit atau sebaliknya.

Ditanya sama ada tindakan boleh dikenakan mengikut Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 (Bafia), Perdana Menteri berkata apa yang penting bagi kerajaan ialah urusannya dengan bank.

"Bank Negara memang mempunyai kuasa tetapi kita mesti sedar ada beribu-ribu cawangan dan pekerja bank. Mustahil bagi Bank Negara untuk mengawasi semuanya.

"Justeru, terpulang kepada mereka yang bekerja dengan bank untuk memahami undang-undang dan amalan bank serta moral. Jika mereka tidak memahaminya, bermakna mereka tidak berhak bekerja dengan bank," katanya.

Mengenai pembabitan kakitangan Bumiputra Commerce Bank dan Bank Islam dalam kegiatan itu, Perdana Menteri berkata, ia membuktikan mereka tidak amanah kerana menjadi peraturan, urusan pelanggan tidak boleh didedahkan tanpa kebenaran.

Bagaimanapun, katanya, mereka yang terbabit mendedahkan cek pelanggan lengkap dengan nombor dan gambarnya dalam Internet.

"Kalau mereka yang kerja dengan bank Islam tidak amanah, mereka buat dua kali kesalahan, iaitu undang-undang dan ajaran Islam. Jika kita diamanahkan dengan sesuatu, maka kita harus jaga kepercayaan yang diberikan kepada kita," katanya.

(END)